

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PERASMIAN DAN SIDANG AKHBAR MUZIK TV  
'VOICE OF TOMORROW'  
DI DEWAN 12, TGV, SURIA KLCC  
PADA HARI KHAMIS, 2 NOVEMBER 2000  
JAM 3.30 PETANG**

-----

Saya ucapkan terima kasih kepada Prima Muzik Sdn Bhd kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis 'voice of tomorrow' pada hari ini.

2. Hari esok dimulakan saatnya pada hari ini. Insan yang akan menjadi dewasa pada masa hadapan adalah kanak-kanak kita hari ini. Kanak-kanak ini adalah satu aset yang berharga kepada keluarga yang tidak terukur nilainya. Merekalah insan yang akan mengisi setiap kekosongan yang kita tinggalkan.

3. Kanak-kanak hari inilah yang terpaksa menghadapi dunia tanpa sempadan atau globalisasi di masa akan datang. Justeru itu, kita harus memelihara kanak-kanak kita dengan baik dengan menanam dalam jiwa mereka sifat-sifat yang murni. Sebagai bangsa yang merdeka kita harus mendidik kanak-kanak untuk menerima dan bersedia menghadapi apa jua perubahan dengan semangat dan fikiran terbuka.

4. Dalam hal ini, Kerajaan kita telah banyak berusaha untuk meningkatkan taraf pendidikan di sekolah-sekolah dan institut-institut pengajian tinggi dengan menyalurkan jutaan ringgit demi untuk menentukan bahawa pendidikan yang diterima adalah bertaraf dunia. Inilah wawasan Kerajaan dan saya percaya inilah juga harapan dan impian ibu bapa.

5. Saya percaya tanggungjawab ini bukanlah satu tanggungjawab pihak Kerajaan sahaja. Tanggungjawab membina generasi yang dinamik, sihat dan cergas perlu kita pikul bersama. Kanak-kanak ini perlu dibelai dengan kasih sayang dan dididik supaya mereka menjadi insan yang berakhlak mulia dan beretika tinggi.

6. Justeru itu, marilah kita sama-sama memimpin tangan-tangan kecil ini ke arah kebenaran demi mempertahankan bangsa dan negara kita. Insya-Allah, dengan gabungan semua pihak kita pasti akan berjaya membenihkan generasi masa hadapan yang cemerlang!

7. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan rasminya melancarkan muzik video 'Voice of Tomorrow'.

\*\*\*\*